

Client : **Russia-Singapore Business Forum**  
Publication : Berita Harian  
Heading : Create a relationship with Tatarstan before breaking into the Russia market  
Date : September 28, 2010  
Circulation : 60,000

## 'Jalin usaha sama dengan Tatarstan dulu untuk tembusi pasaran Russia'

**METERAI PERJANJIAN:** Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Penerangan dan Teknologi Komunikasi Tatarstan, Encik Nikolay Nikiforov (*kiri*), memeterai perjanjian dengan RSP Architects Planners & Engineers Pte Ltd, yang diwakili pengarahnya, Dr Liu Thai-Ker. Memerhatikan mereka ialah Menteri Negara Perdagangan dan Perusahaan, Encik Lee Yi Shyan (*dua dari kiri*), dan Presiden Tatarstan, Encik Rustam Minnikhanov. – Foto ZAOBAO



SYARIKAT-SYARIKAT Singapura boleh memimbangkan untuk menjalin usaha sama dengan Republik Tatarstan sebagai landasan menembusi pasaran Russia yang lebih besar, menurut Menteri Negara Dagangan dan Perusahaan, Encik Lee Yi Shyan.

Beliau berkata mereka boleh memanfaatkan prasarana inovatif di Tatarstan, salah sebuah ekonomi paling maju dalam Persekutuan Russia.

"Dalam sektor pengilangan, Tatarstan sedang mempelbagai ekonominya agar tidak hanya bergantung pada minyak. Mereka menembusi sektor pengilangan kereta, mesin dan penerbangan. Syarikat kecil dan sederhana (SME) Singapura boleh menimbangkan pengilangan komponen dalam sektor itu.

"Oleh kerana negara itu sedang membangunkan perbandarannya, lebih-lebih lagi kerana akan menganjurkan Sukan Universiade Kazan 2013, banyak kompleks sukan, khidmat perancangan bandar, khidmat hartanah dan penguurusan kemudahan diperlukan," ujar Encik Lee dalam se-

minar mengenai Tatarstan sempena Forum Perniagaan Russia-Singapura di Marina Bay Sands semalam.

Terletak di tengah Russia, Tatarstan kaya dengan sumber asli seperti minyak mentah, sumber air dan tanah. Penduduk negara itu, dengan majoritinya beragama Islam dan Kristian Ortodoks, dapat hidup dengan harmoni.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS), Encik Abdul Rohim Sarip, ketika ditemui dalam forum itu, berkata syarikat Melayu dalam bidang pendidikan boleh meneroka permintaan besar di Tatarstan bagi khidmat latihan karyawan, kepakaran teknikal dan kursus bahasa Inggeris.

"Penduduk negara itu seramai 3.8 juta mungkin kecil tetapi Tatarstan boleh menjadi batu loncatan bagi syarikat Singapura menembusi pasaran Russia yang besar.

"Kekuatan syarikat Melayu dalam bidang pendidikan, pengangkutan dan logistik juga boleh dimanfaatkan di sana walaupun saya akur cabaran menjalankan perniagaan di ne-

gara itu juga besar dari segi keperluan pelaburan, birokrasi dan memulangkan keuntungan ke Singapura," ujarnya.

Semalam, syarikat setempat, RSP Architects Planners & Engineers Pte Ltd, dan Kementerian Penerangan dan Teknologi Maklumat (IT) Tatarstan memeterai Perjanjian Persefahaman (MOU) bagi meneroka penyediaan rangka kerja, perancangan induk, khidmat runding cara bagi seni bina dan kejuruteraan untuk "Kampung IT" di Kazan, ibu kota Tatarstan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan SME Tatarstan, Encik Timur Shagi Valeco, berkata negaranya banyak mempelajari Singapura dalam pembangunan ekonomi.

"Negara pertama yang kami lawati untuk mempelajari sistem negara lain ialah Singapura. Kami mencontohi Singapura dalam pembangunan zon ekonomi khas (SEZ) dan sistem jendela tunggal yang membolehkan pelabur menguruskan keperluan permit perniagaan seperti cukai dan imigrasi di bawah satu bumbung," katanya.

Singapore may consider entering into joint ventures with the Republic of Tatarstan as a platform to penetrate the Russian market is greater, according to State Minister of Trade and Industry, Mr Lee Yi Shyan.

Located in the center of Russia, Tatarstan is rich in natural resources such as crude oil, water and land resources. The country's population comprises of majority Muslims and Orthodox Christians, living in harmony.

President of the Malay Chamber of Commerce and Industry of Singapore (Entrepreneur), Mr. Abdul Rohim Sarip, when found in the forum, said the Malays in education can explore the huge demand in Tatarstan for employee training services, technical expertise and English language courses. The strength of the Malays in education, transportation and logistics can also be used there.